

Pemberi dan penerima rasuah adalah sama-sama melakukan jenayah dan bersalah dari segi undang-undang. Bagaimanapun, kenapa hanya penerima rasuah sahaja yang didakwa / dituduh?

Dalam kebanyakan kes rasuah, pada kebiasaananya, pihak mana yang melaporkan perkara itu terlebih dahulu sebagai bukti yang ianya tidak bersetuju dan bukan rakan subahat sejenayah dalam transaksi tersebut akan dijadikan saksi kes.

Sekiranya laporan / aduan itu dibuat oleh pemberi rasuah dengan bukti yang mencukupi dan meyakinkan, penerima rasuah boleh didakwa di mahkamah dan pemberi rasuah menjadi saksi kes berkenaan.

Manakala jika laporan / aduan dibuat oleh pihak ketiga dengan bukti mencukupi, kedua-dua pemberi dan penerima rasuah termasuk orang perantaraan boleh didakwa di mahkamah.

Apakah dimaksudkan dengan tindakan yang memudaratkan?

Bermaksud apa-apa tindakan terhadap pemberi maklumat kerana pendedahan mengenai sesuatu pelakuan rasuah atau pelakuan tidak wajar. Contoh tindakan yang memudaratkan adalah :

1. Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan.
2. Ugutan atau gangguan.
3. Gangguan terhadap pekerjaan termasuk diskriminasi, penurunan pangkat, gantung kerja, tindakan tatatertib dan lain-lain.

Adakah Unit Integriti FELDA akan melayan aduan berbentuk surat layang?

Unit Integriti FELDA akan menerima semua jenis aduan termasuk surat layang. Semua aduan yang diterima akan dinilai dan ditapis oleh Jawatankuasa Governans Lembaga dan disyorkan kepada Mesyuarat Lembaga FELDA untuk tindakan siasatan samada dilaksanakan atau tidak. Aduan / laporan yang tidak mempunyai asas atau bersifat terlalu umum tidak akan disiasat.

Adakah siasatan / tindakan diambil bagi skandal salah laku yang berlaku di FELDA dibuat selepas pertukaran kerajaan? Kenapakah tindakan tidak diambil semasa kerajaan terdahulu?

Siasatan skandal FELDA telah dimulakan oleh SPRM sebelum bertukarnya kerajaan dan diteruskan sehingga kini. Siasatan ini mengambil masa yang panjang kerana melibatkan kompleksiti kes dan transaksi yang besar.

Apakah tanda-tanda seseorang itu mungkin terlibat dengan salah laku rasuah?

Antara tanda-tanda (simptom) seseorang itu terlibat dengan jenayah rasuah adalah seperti berikut :

1. Perubahan gaya hidup (mewah) yang mendadak
2. Kegagalan menjelaskan punca perolehan harta
3. Enggan dinaikkan pangkat atau ditukarkan
4. Panggilan telefon yang mencurigakan
5. Perletakan jawatan secara tiba-tiba
6. Perhubungan terlalu rapat dengan pelanggan syarikat / Jabatan yang mempunyai urusan rasmi

Isu-isu / skandal FELDA terpapar di media massa dan elektronik saban hari yang melibatkan kes salah laku yang dilakukan oleh pengurusan atasan FELDA terdahulu. Apakah peranan Wilayah / rancangan untuk membantu FELDA berubah ke arah tadbir urus yang baik?

1. Semua petugas FELDA menjadi contoh kepada governans dan integriti yang terbaik.
2. Memastikan proses perolehan dibuat mengikut peraturan supaya tiada ketirisan dan pembaziran.
3. Tidak melakukan salah laku yang menjurus ke arah rasuah dan pelanggaran etika yang ditetapkan.
4. Membuat laporan aduan salah laku kepada Unit Integriti sekiranya mengetahui terdapat kes salah laku.

Bolehkah seseorang membuat aduan salah laku bagi pihak orang lain?

Boleh, seseorang boleh membuat aduan walaupun beliau bukan mangsa tindakan salah laku yang ingin diadukan. Walau bagaimanapun, orang tersebut hendaklah mengemukakan butir-butir mangsa tersebut kepada Unit Integriti untuk tindakan lanjut.

Di dalam pemilihan melalui tender, adalah jelas tentang peraturan pengisytiharan dan keluar daripada mesyuarat pemilihan jika seseorang pegawai yang terlibat itu mempunyai kepentingan. Bagaimana pula dengan masalah pemilihan melalui proses sebutharga?

Di dalam pemilihan melalui sebutharga, peraturan-peraturan seperti dalam pemilihan tender juga perlu dipatuhi. Sekiranya seseorang pegawai itu mengetahui bahawa sebutharga yang dikemukakan kepadanya adalah daripada orang yang mempunyai kepentingan dengannya beliau hendaklah :

1. Mengistiharkan hubungan.
2. Keluar daripada mesyuarat.
3. Tidak terlibat dalam membuat keputusan.
4. Tidak boleh melobi agar syarikat berkenaan (yang mana beliau ada kepentingan) dipilih.

Bolehkah pegawai awam menerima tambang tiket penerbangan percuma daripada kontraktor yang ada hubungan dengan tugas rasmi?

Tidak boleh kerana menjurus kepada kesalahan jenayah rasuah di mana sebagai balasan bagi sesuatu kerja yang telah diberikan. (Rujuk Para 12 PP 3/1998).

Apakah yang dimaksudkan dengan takrifan saudara mengikut Akta SPRM 2009?

Menurut Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), saudara ditakrifkan seperti berikut:

1. Isteri atau suami orang itu ;
2. Adik atau abang atau kakak orang itu ;
3. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu ;
4. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu ;
5. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan adik atau abang atau kakak orang itu ;
6. Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu ;
7. Menantu orang itu